

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR RONALD KIANDEE**  
**[ BELURAN ]**

**SOALAN : Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee**  
**[ Beluran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk membuka semula Kedutaan Malaysia di Pyongyang serta apakah cabaran yang dihadapi dalam mengembalikan kerjasama dan hubungan diplomatik dengan Korea Utara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Buat masa ini, pihak Kementerian masih sedang memperhalusi cadangan untuk membuka semula Kedutaan Besar Malaysia di Pyongyang.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, operasi Kedutaan Besar Malaysia di Pyongyang telah dihentikan sejak 30 Mac 2017, ekoran dari kejadian yang menimpa mendiang Kim Jong-nam di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Malaysia masih tetap meneruskan hubungan diplomatiknya dengan Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) melalui Kedutaan Besar mereka di Kuala Lumpur yang diwakili di peringkat Kuasa Usaha Sementara.

4. Malaysia sentiasa mengamalkan dasar berbaik dengan semua dan percaya bahawa tiada sebarang negara yang wajar dipulaukan. Manakala perbincangan menerusi dialog merupakan kaedah terbaik di dalam mempromosikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di Semenanjung Korea. Oleh itu, Malaysia menyambut baik perubahan positif yang ditunjukkan oleh pihak DPRK dalam mewujudkan suasana damai di rantau tersebut dan berharap proses rundingan dengan pihak DPRK akan terus berjalan secara aman dan lancar.

5. Namun begitu, harus diingatkan bahawa walaupun terdapat tanda-tanda positif, pihak DPRK sehingga kini masih belum melaksanakan sepenuhnya tindakan ke arah, dengan izin, *a complete, verifiable and irreversible denuclearisation of the Korean Peninsula*. Malah, pihak Korea Utara masih dikenakan beberapa sekatan di bawah Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

6. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk sentiasa peka terhadap perkembangan yang berlaku di Semenanjung Korea dalam menguruskan hubungannya dengan pihak Korea Utara. Dan keputusan untuk Malaysia membuka semula Kedutaannya di Pyongyang wajar mengambil kira perkara-perkara yang telah disebutkan di atas dan turut bergantung kepada kedudukan semasa kewangan negara.

Sekian, terima kasih.